

Jenis Akhbar : Kosmo Online
Tarikh : 13/04/2019
Edisi / Muka surat : www.kosmo.com.my
Tajuk : Sasar RM18j fail, dana amanah

Sasar RM18j fail, dana amanah MAAB tadbir empat fail amanah bernilai RM7 juta, simpan 73,000 wasiat

Azhar Ahmad
13 April 2019 3:00 AM



Abdul Fattah (tengah) menyaksikan pertukaran dokumen antara Khairil Annuar (tiga dari kiri) dan Mohamad Ali (tiga dari kanan) pada Majlis Menandatangani Perjanjian MAAB dengan MRA di Petaling Jaya semalam.

PETALING JAYA - MyAngkasa Amanah Berhad (MAAB) mensasarkan peningkatan jumlah fail dan dana amanah kepada RM18 juta menjelang akhir tahun ini.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd., (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, jumlah itu dapat dicapai dengan tambahan fail baharu seperti Malaysia Relief Agency (MRA) dan Koperasi Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia Berhad nanti.

“Sehingga kini, MAAB mentadbir empat fail amanah berjumlah RM7 juta.